

06/09/2002

Bahasa Inggeris: NUTP syor dimula Tahun Empat

KUALA LUMPUR, Khamis - Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyarankan agar pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dimulakan pada Tahun Empat, bukan Tahun Satu seperti dicadangkan kerajaan.

Setiausaha Agungnya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata langkah itu wajar kerana kajian NUTP baru-baru ini mendapati pelbagai pihak berpendapat pelajar perlu diberi asas kukuh dalam bahasa ibunda masing-masing pada peringkat awal persekolahan, iaitu Tahun Satu hingga Tiga.

Berdasarkan kajian yang membabitkan guru besar, guru, ibu bapa serta pelajar semua aliran sekolah di kawasan bandar dan luar bandar seluruh negara, katanya, majoriti bersetuju supaya pelaksanaan dasar itu bermula pada Tahun Empat.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelaksanaan berkenaan perlu dijalankan hanya apabila Kementerian Pendidikan sudah membuat persediaan dari semua aspek berkaitan, tetapi seboleh-bolehnya mulai tahun depan supaya tidak ketinggalan lebih jauh lagi.

Beliau berkata, cadangan dan hasil kajian itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu perjumpaan khas yang akan diadakan tidak lama lagi.

Selain NUTP, katanya, perjumpaan itu akan turut disertai wakil Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (MTUC), pengetua dan guru besar.

"Perjumpaan tertutup dari hati ke hati untuk memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai keadaan sebenar isu berkenaan.

"Kita juga akan menjelaskan pandangan serta cadangan rakyat, termasuk ibu bapa, pelajar dan guru yang terbabit secara langsung dengan pelaksanaan ini," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Siva berkata, kajian NUTP mendapati pelajar dan ibu bapa menyokong kuat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Katanya, ini mungkin kerana ibu bapa mahu anak mereka maju dalam kerjaya kelak, di samping menyedari kelemahan bahasa Inggeris sendiri dan senario sektor swasta yang ternyata menggunakan bahasa kedua itu secara meluas.

Sehubungan itu, beliau berkata, sekolah juga dicadang supaya menggunakan pendekatan tatabahasa untuk mengajar subjek Bahasa Inggeris dan bukan pendekatan bersepadu sebagaimana dilaksanakan sekarang.

Cadangan lain ialah menubuhkan makmal bahasa, kelas tuisyen di setiap pusat kegiatan guru (PKG) di mana guru lemah bahasa Inggeris turut diwajibkan mengikutinya, selain radio dan TV Pendidikan menyiarkan pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa berkenaan pada waktu utama bagi memudahkan ibu bapa membantu pembelajaran anak mereka.